



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 788

**AKTA PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM
MALAYSIA 2017**

Tarikh Perkenan Diraja 17 Februari 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 27 Februari 2017

Hakcipta Pencetak (H)
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 788

AKTA PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA 2017

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

3. Penubuhan Pihak Berkuasa
4. Meterai perbadanan
5. Keanggotaan Pihak Berkuasa
6. Anggota silih ganti
7. Tempoh jawatan
8. Saraan dan elaun
9. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
10. Pengosongan jawatan
11. Jawatankuasa
12. Penzahiran kepentingan
13. Jadual
14. Kod kelakuan
15. Panel Tatatertib dan prosiding tatatertib

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA PIHAK BERKUASA

16. Fungsi Pihak Berkuasa
17. Kuasa Pihak Berkuasa
18. Arahan oleh Menteri

Seksyen

19. Perwakilan kuasa
20. Kesahan tindakan dan prosiding

BAHAGIAN IV

PEKERJA PIHAK BERKUASA

21. Ketua Pengawai Eksekutif
22. Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif
23. Pelantikan pekerja
24. Syarat perkhidmatan, tata tertib dan surcaj
25. Pembayaran faedah persaraan, dsb.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN KEWANGAN

26. Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
27. Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang
28. Pemeliharaan Kumpulan Wang
29. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
30. Akaun bank
31. Kuasa untuk meminjam
32. Pelaburan
33. Tatacara kewangan
34. Tahun kewangan
35. Akaun dan laporan tahunan
36. Kuasa untuk menubuhkan syarikat

BAHAGIAN VI

AM

37. Pekhidmat awam
38. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
39. Perlindungan daripada liabiliti persendirian
40. Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang
41. Representasi dalam prosiding sivil

Seksyen

42. Obligasi kerahsiaan
43. Kuasa untuk meminda Jadual
44. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN PELETAKHAKAN

45. Peruntukan peletakhakan

JADUAL

PNMB

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 788

AKTA PIHAK BERKUASA PENERBANGAN AWAM MALAYSIA 2017

Suatu Akta untuk menubuhkan dan memperbadankan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya, dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2017.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aerodrom” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*];

“kapal udara” ertinya suatu mesin yang boleh mendapatkan daya angkat di atmosfera daripada tindak balas udara, selain tindak balas udara menyongsong permukaan bumi;

“kargo” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Penerbangan Awam 1969;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah subseksyen 21(1);

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 26;

“lapangan terbang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Penerbangan Awam 1969;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pengangkutan;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah subseksyen 5(1);

“Pihak Berkuasa” ertinya Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3.

BAHAGIAN II

PIHAK BERKUASA

Penubuhan Pihak Berkuasa

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia” ditubuhkan.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Pihak Berkuasa boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas nama perbadanannya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Pihak Berkuasa boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, membeli, mengambil, memajak, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Pihak Berkuasa; dan
- (c) memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaijanjikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Pihak Berkuasa.

Meterai perbadanan

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang mengandungi suatu peranti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa dan meterai itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Pihak Berkuasa, suatu cap yang mengandungi perkataan “Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia” bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Pihak Berkuasa.

(3) Meterai perbadanan Pihak Berkuasa hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa, dan hendaklah ditentusahkan oleh Pengerusi atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Semua surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan Pihak Berkuasa dan ditentusahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan telah disempurnakan dengan sah.

(5) Apa-apa surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh seorang anggota Pihak Berkuasa atau pekerja Pihak Berkuasa yang diberi kuasa bagi maksud itu.

(6) Meterai perbadanan Pihak Berkuasa hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan Pihak Berkuasa

5. (1) Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (b) seorang wakil Kementerian Pengangkutan;
- (c) seorang wakil Kementerian Kewangan;
- (d) tidak kurang daripada empat tetapi tidak lebih daripada enam orang anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri; dan
- (e) Ketua Pegawai Eksekutif yang menjadi anggota *ex-officio*.

(2) Anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(a) dan (d) hendaklah orang yang layak dan sesuai dalam kalangan orang yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengalaman atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam, pentadbiran atau undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan fungsi Pihak Berkuasa.

(3) Dalam menentukan sama ada seseorang adalah orang yang layak dan sesuai bagi maksud subseksyen (2), Menteri hendaklah mengambil kira—

- (a) kejujuran yang tidak diragui, kecekapan dan kewajaran pertimbangan orang itu dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai anggota Pihak Berkuasa; dan
- (b) ketekunan yang membolehkan orang itu memenuhi tanggungjawabnya sebagai anggota Pihak Berkuasa.

(4) Tiada seorang pun boleh menjadi anggota Pihak Berkuasa jika dia—

- (a) sedang memegang jawatan atau pekerjaan dalam atau yang berhubungan dengan penerbangan;
- (b) terlibat dalam apa-apa perniagaan atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan dalam atau yang berhubungan dengan penerbangan; atau
- (c) terlibat atau menjadi terlibat dalam apa-apa aktiviti yang boleh menjejaskan kebebasannya dalam menunaikan kewajipannya.

(5) Perenggan (4)(a) tidak terpakai bagi anggota yang dinyatakan di bawah perenggan (1)(b).

(6) Mana-mana anggota Pihak Berkuasa, selain anggota yang dinyatakan di bawah perenggan (1)(b) dan (c), tidak boleh, selama dia menjadi anggota Pihak Berkuasa, memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan lain, sama ada yang dibayar saraan atau tidak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Menteri.

(7) Menteri hendaklah melantik seorang timbalan pengerusi Pihak Berkuasa dalam kalangan anggota yang dilantik di bawah perenggan (1)(d) jika—

- (a) jawatan Pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Anggota silih ganti

6. (1) Menteri hendaklah, berhubung dengan setiap anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(b) dan (c), melantik seseorang menjadi anggota silih ganti untuk menghadiri, sebagai ganti kepada anggota itu, mesyuarat Pihak Berkuasa apabila anggota itu tidak dapat hadir kerana apa-apa sebab.

(2) Seorang anggota silih ganti yang menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai seorang anggota Pihak Berkuasa.

(3) Seorang anggota silih ganti hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, terhenti menjadi anggota silih ganti apabila anggota yang berkenaan dengannya dia menjadi anggota silih ganti terhenti menjadi anggota Pihak Berkuasa.

Tempoh jawatan

7. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) atau (d) hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan terlebih dahulu, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula bagi tempoh maksimum satu penggal berturut-turut.

(2) Jika mana-mana anggota terhenti menjadi anggota Pihak Berkuasa berikutan tamat pelantikan semulanya di bawah subseksyen (1) dia tidak boleh dilantik semula sebagai anggota Pihak Berkuasa dalam tempoh tiga tahun daripada tamat pelantikan semulanya itu di bawah subseksyen (1).

Saraan dan elaun

8. (1) Pengerusi hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Semua anggota Pihak Berkuasa yang lain kecuali Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah dibayar elaun pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

9. (1) Menteri boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) atau (d).

(2) Seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a) atau (d) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

10. Jawatan seseorang anggota Pihak Berkuasa menjadi kosong jika—

- (a) dia mati;
- (b) telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) suatu kesalahan di bawah seksyen 12 Akta ini atau mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) kelakuannya, sama ada berkaitan dengan kewajipannya sebagai anggota Pihak Berkuasa atau selainnya, mencemarkan nama baik Pihak Berkuasa;
- (d) dia menjadi bankrap;
- (e) dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menunaikan kewajipannya;
- (f) dalam hal Pengerusi atau timbalan pengerusi, dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis Menteri;

- (g) dalam hal seseorang anggota Pihak Berkuasa yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(d), dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis Pengerusi; atau
- (h) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri di bawah subseksyen 9(1).

Jawatankuasa

11. (1) Pihak Berkuasa boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya.

(2) Pihak Berkuasa boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Pihak Berkuasa boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota sesuatu jawatankuasa.

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Pihak Berkuasa boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari kepada Pihak Berkuasa dan pengerusi jawatankuasa.

(7) Pihak Berkuasa boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada dan bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh pengerusi jawatankuasa dan Pihak Berkuasa.

Penzahiran kepentingan

12. (1) Seseorang anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang mempunyai atau memperoleh suatu kepentingan secara langsung atau tidak langsung sama ada dengan sendiri, melalui anggota keluarganya atau melalui sekutunya berhubung dengan apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Pihak Berkuasa atau jawatankuasa hendaklah menzahirkan kepada Pihak Berkuasa atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis dan takat kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Pihak Berkuasa atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

(a) tidak boleh hadir atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Pihak Berkuasa atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai perkara itu; dan

(b) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum Pihak Berkuasa atau jawatankuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Seseorang anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Pihak Berkuasa atau jawatankuasa boleh ditidaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa telah melanggar seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

“anggota keluarganya”, berhubung dengan seseorang anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa, termasuklah—

(a) suami atau isterinya;

- (b) ibu bapanya termasuklah ibu bapa suami atau isterinya;
- (c) anaknya termasuklah anak angkat atau anak tiri;
- (d) adik-beradiknya termasuklah adik-beradik suami atau isterinya; dan
- (e) suami atau isteri anaknya, atau adik-beradiknya; dan

“sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa, ertinya—

- (a) seseorang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
- (b) firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
- (c) pekongsi anggota itu;
- (d) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota atau seorang anggota keluarganya merupakan seorang benefisiari; atau
- (e) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya ialah seorang pengarah atau mempunyai pemegangan syer yang substansial dalam perbadanan itu.

Jadual

13. Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi anggota Pihak Berkuasa dan anggota jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 11.

Kod kelakuan

14. (1) Pihak Berkuasa hendaklah, tertakluk kepada kelulusan Menteri, menetapkan kod kelakuan yang hendaklah dipatuhi oleh anggota Pihak Berkuasa dan anggota jawatankuasa setakat dan mengikut apa-apa cara yang difikirkannya sesuai.

(2) Anggota Pihak Berkuasa dan anggota jawatankuasa hendaklah mematuhi peruntukan yang ditetapkan dalam kod kelakuan.

(3) Jika mana-mana orang mendapat tahu bahawa terdapat pelanggaran kod kelakuan, orang itu hendaklah merujuk perkara itu kepada Panel Tatatertib.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Panel Tatatertib dan prosiding tatatertib

15. (1) Panel Tatatertib hendaklah terdiri daripada orang yang berikut:

(a) dalam hal prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota Pihak Berkuasa, tiga orang hendaklah dilantik oleh Menteri; atau

(b) dalam hal prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota jawatankuasa, tiga orang hendaklah dilantik oleh Pengerusi.

(2) Pelantikan anggota Panel Tatatertib hendaklah secara *ad hoc*.

(3) Selepas menerima perkara di bawah subseksyen 14(3), Panel Tatatertib hendaklah—

(a) memberitahu anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa secara bertulis mengenai perbuatan pelanggaran kod kelakuan yang dikatakan itu; dan

(b) memberikan anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa suatu peluang untuk membuat representasi bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu mengenai pelanggaran kod kelakuan yang dikatakan itu.

(4) Jika, selepas mempertimbangkan representasi anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa, jika ada, Panel Tatatertib mendapati bahawa—

(a) tiada merit dalam perkara itu, Panel Tatatertib hendaklah menggugurkan perkara itu dan memberitahu Pihak Berkuasa dan anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu mengenai keputusannya; atau

(b) terdapat merit dalam perkara itu, mengundang anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu untuk hadir di hadapan Panel Tatatertib untuk didengari.

(5) Jika, selepas pertimbangan sewajarnya mengenai representasi yang dibuat oleh anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang hadir di hadapan Panel Tatatertib menurut perenggan (4)(b), Panel Tatatertib berpuas hati bahawa—

(a) pelanggaran itu terbukti, Panel Tatatertib boleh mengesyorkan kepada Menteri atau Pihak Berkuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahawa anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa itu hendaklah dipecat daripada menjadi anggota; atau

(b) pelanggaran itu tidak terbukti, Panel Tatatertib hendaklah menggugurkan perkara itu.

(6) Selepas menerima syor Panel Tatatertib di bawah perenggan (5)(a), Menteri atau Pihak Berkuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah membatalkan pelantikan anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa dan mengenakan penalti kewangan sebanyak tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA PIHAK BERKUASA

Fungsi Pihak Berkuasa

16. (1) Fungsi Pihak Berkuasa adalah—

- (a) untuk memastikan peruntukan Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi;
- (b) untuk mengawal selia perihal selamat dan keselamatan penerbangan awam termasuk mewujudkan standard dan menguatkusakannya;
- (c) untuk melindungi penerbangan awam daripada apa-apa tindakan gangguan yang menyalahi undang-undang;
- (d) untuk menjalankan pengawasan pengawalseliaan perihal selamat penerbangan awam di dalam Malaysia dan di luar Malaysia;
- (e) untuk mengawal selia pengendalian aerodrom dan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan aerodrom di Malaysia;
- (f) untuk mengadakan perkhidmatan pengemudian udara di dalam Wilayah Maklumat Penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan di mana-mana kawasan lain yang dibenarkan oleh Menteri;
- (g) untuk mengadakan atau menyelaraskan perkhidmatan mencari dan menyelamatkan bagi kapal udara dalam distres di dalam Wilayah Mencari dan Menyelamat Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan di mana-mana kawasan lain yang dibenarkan oleh Menteri;
- (h) untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi penyiasatan kemalangan dan insiden serius kapal udara;

- (i) untuk menggalakkan, memajukan, memudahkan dan membantu dalam pembangunan dan penambahbaikan kemampuan, kemahiran dan perkhidmatan penerbangan awam di Malaysia;
- (j) untuk mengadakan perkhidmatan teknikal dan perundingan yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (k) untuk mewakili Kerajaan di peringkat antarabangsa berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (l) untuk menunaikan atau memudahkan penunaian obligasi antarabangsa Kerajaan berkenaan dengan penerbangan awam;
- (m) untuk memajukan pendidikan dan latihan berkenaan dengan mana-mana perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (n) untuk menasihati Kerajaan tentang semua perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (o) untuk menggalakkan pemahaman tentang polisi dan program penerbangan awam;
- (p) untuk menggalakkan penyelidikan dan pembangunan dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan penerbangan awam;
- (q) untuk menggalakkan pembangunan kemudahan jalan udara, aerodrom dan pengemudian udara bagi penerbangan awam;
- (r) untuk menjalankan apa-apa fungsi dan kewajipan lain sebagaimana yang diberikan atau dikenakan ke atas Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969; dan
- (s) untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada mana-mana fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya hendaklah mengambil kira apa-apa perjanjian antarabangsa yang kepadanya Malaysia merupakan suatu pihak dan tidak boleh bertindak berlawanan dengan obligasi antarabangsa atau kepentingan Malaysia.

(3) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “kawasan terkawal” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Penerbangan Awam 1969;

(b) “perkhidmatan dan kemudahan aerodrom” ertinya perkhidmatan dan kemudahan yang diadakan—

(i) untuk membolehkan pendaratan dan pelepasan kapal udara seperti penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang berikut dalam sesuatu kawasan:

(A) kemudahan landasan, jalan teksi, apron parkir dan tempat parkir bagi kapal udara;

(B) kemudahan bantuan visual dan bantuan bukan visual aerodrom;

(C) penyenggaraan dan pembaikan landasan, jalan teksi, apron parkir bagi kapal udara, bantuan visual dan bantuan bukan visual aerodrom;

(D) perkhidmatan menyelamat dan memadamkan api;

(E) perkhidmatan pengawalan apron;

(F) perkhidmatan pengurusan bahaya dan alam sekeliling; dan

(G) perkhidmatan penyeliaan dan keselamatan;

(ii) untuk membolehkan di dalam kawasan tertentu di lapangan terbang servis dan penyenggaraan kapal udara dan pengendalian kargo yang dibawa atau

akan dibawa oleh kapal udara seperti penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang berikut dalam kawasan itu:

- (A) kemudahan hangar;
 - (B) perkhidmatan penyenggaraan dan pengisian semula bahan api kapal udara dan pelupusan sisa buangan;
 - (C) kemudahan penyimpanan dan pemprosesan kargo; dan
 - (D) perkhidmatan keselamatan, kastam dan kuarantin untuk kargo;
- (iii) berhubung dengan penumpang kapal udara di lapangan terbang seperti penyediaan perkhidmatan dan kemudahan yang berikut:
- (A) kemudahan jambatan udara, jalan penumpang dan kawasan tempat duduk;
 - (B) kemudahan maklumat penerbangan dan sistem panggilan awam;
 - (C) perkhidmatan dan kemudahan penyaji penerbangan;
 - (D) perkhidmatan dan kemudahan bagi pengendalian kastam, imigresen, dan pemeriksaan dan kawalan kuarantin;
 - (E) perkhidmatan dan kemudahan bagi pengendalian keselamatan dan perkhidmatan polis; dan
 - (F) perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan di dalam terminal penumpang untuk membolehkan pendaftaran masuk dan pemeriksaan penumpang, termasuk perkhidmatan pengendalian dan pemeriksaan bagasi; dan

- (iv) di atau dari lapangan terbang bagi maksud yang berkaitan dengan atau bersampingan dengan pengendalian lapangan terbang;
- (c) “perkhidmatan pengemudian udara” ertinya perkhidmatan yang disediakan kepada trafik udara semasa semua peringkat pengendalian dan termasuklah—
- (i) perkhidmatan kawalan trafik udara bagi ketibaan atau pelepasan penerbangan terkawal, bagi penerbangan terkawal di dalam kawasan terkawal atau bagi trafik dalam mana-mana kawasan olah gerak dan trafik aerodrom yang lain atau apa-apa perkhidmatan trafik udara yang lain;
 - (ii) perkhidmatan nasihat trafik udara yang disediakan dalam ruang udara nasihat untuk memastikan pemisahan, setakat yang boleh dilaksanakan, antara kapal udara yang dikendalikan dalam pelan penerbangan menurut kaedah-kaedah penerbangan alatan;
 - (iii) perkhidmatan maklumat penerbangan;
 - (iv) perkhidmatan amaran yang disediakan untuk memaklumkan organisasi yang berkaitan mengenai kapal udara yang memerlukan bantuan mencari dan menyelamatkan, dan untuk membantu organisasi itu sebagaimana dikehendaki;
 - (v) perkhidmatan komunikasi, pengemudian dan pengawasan;
 - (vi) perkhidmatan meteorologi untuk pengemudian udara;
 - (vii) perkhidmatan mencari dan menyelamatkan;
 - (viii) perkhidmatan maklumat aeronautik bagi menyediakan maklumat aeronautik dan data yang perlu bagi perihal selamat, keteraturan dan kecekapan pengemudian udara;

- (ix) perkhidmatan kartografi bagi pengemudian udara; dan
- (x) perkhidmatan prosedur pengemudian udara;
- (d) “Wilayah Maklumat Penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu” ertinya ruang udara yang di dalamnya perkhidmatan pengemudian udara disediakan oleh Pihak Berkuasa menurut Tatacata Tambahan Wilayah Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa; dan
- (e) “Wilayah Mencari dan Menyelamat Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu” ertinya wilayah mencari dan menyelamat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

Kuasa Pihak Berkuasa

17. (1) Pihak Berkuasa mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Pihak Berkuasa termasuklah kuasa—

- (a) untuk menjalankan semua aktiviti yang Pihak Berkuasa dapati perlu, berfaedah atau mudah bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya;
- (b) untuk bekerjasama atau bertindak bersama-sama dengan mana-mana agensi kerajaan, pihak berkuasa, mana-mana syarikat atau perbadanan, atau mana-mana badan atau orang sama ada tempatan atau asing bagi maksud menjalankan fungsi dan kuasanya di bawah Akta ini;
- (c) untuk menghendaki pemberian maklumat oleh pihak berkepentingan dalam industri penerbangan awam bagi membantu Pihak Berkuasa dalam pelaksanaan fungsinya;
- (d) untuk menggunakan segala harta Pihak Berkuasa, alih dan tak alih, dengan apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan suai manfaat oleh Pihak Berkuasa termasuklah mendapatkan pinjaman dengan menggadaijanjikan harta itu;

- (e) untuk menyiarkan dan menyebarkan maklumat mengenai perkara yang berkaitan dengan fungsi Pihak Berkuasa;
- (f) untuk melantik atau mengambil mana-mana ejen, pakar atau perunding sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membantu Pihak Berkuasa dalam pelaksanaan fungsinya;
- (g) untuk memberikan pinjaman, biasiswa dan pendahuluan kepada pekerja Pihak Berkuasa;
- (h) untuk mengenakan fi, kos, atau apa-apa caj lain sebagaimana yang difikirkannya patut berhubung dengan mana-mana aktiviti atau perkhidmatan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa, atau bagi penggunaan harta atau kemudahan Pihak Berkuasa dan untuk mengutip dan menerima wang berkaitan dengan perkara itu; dan
- (i) untuk melakukan apa-apa perkara yang bersampingan dengan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini.

Arahan oleh Menteri

18. (1) Pihak Berkuasa hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh memberikan arahan kepada Pihak Berkuasa yang bersifat umum selaras dengan peruntukan undang-undang penerbangan awam yang berhubungan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Pihak Berkuasa dan Pihak Berkuasa hendaklah melaksanakan arahan itu.

Pewakilan kuasa

19. (1) Pihak Berkuasa boleh, secara bertulis, mewakilkan kuasanya yang berhubungan dengan perkara pentadbiran kepada—

- (a) mana-mana anggota Pihak Berkuasa; atau
- (b) sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 11.

(2) Mana-mana anggota Pihak Berkuasa atau jawatankuasa yang diwakilkan dengan apa-apa kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah terikat untuk mematuhi dan mengambil kira segala syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa dan segala kehendak, tatacara dan perkara yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(3) Apa-apa kuasa yang diwakilkan di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan atas nama dan bagi pihak Pihak Berkuasa.

(4) Sesuatu perwakilan di bawah seksyen ini tidak menghalang Pihak Berkuasa sendiri daripada menjalankan pada bila-bila masa mana-mana kuasa yang diwakilkan itu.

Kesahan tindakan dan prosiding

20. Tiada tindakan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan—

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan atau apa-apa kecacatan dalam keanggotaan Pihak Berkuasa; atau
- (b) apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

BAHAGIAN IV

PEKERJA PIHAK BERKUASA

Ketua Pegawai Eksekutif

21. (1) Menteri boleh, atas syor Pihak Berkuasa, melantik mana-mana orang yang pada pendapat Menteri mempunyai kemahiran atau kepakaran dalam perkara penerbangan awam untuk berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif atas apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif—

- (a) hendaklah dikenali dengan apa-apa gelaran lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa;

(b) hendaklah menjadi pekerja Pihak Berkuasa; dan

(c) hendaklah bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran dan pengurusan fungsi dan hal ehwal hari ke hari Pihak Berkuasa.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pekerja Pihak Berkuasa.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa.

(5) Dalam menunaikan kewajipannya, Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan arahan am Pihak Berkuasa yang hendaklah selaras dengan Akta ini.

Penjalanan sementara fungsi Ketua Pegawai Eksekutif

22. Pihak Berkuasa boleh melantik mana-mana pekerja Pihak Berkuasa untuk bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif semasa apa-apa tempoh apabila—

(a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong;

(b) Ketua Pegawai Eksekutif tidak hadir bertugas atau tidak ada di Malaysia; atau

(c) Ketua Pegawai Eksekutif, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.

Pelantikan pekerja

23. Pihak Berkuasa boleh, atas syor Ketua Pegawai Eksekutif, melantik dan mengambil kerja apa-apa bilangan pekerja sebagaimana yang difikirkan sesuai dan perlu oleh Pihak Berkuasa dan atas apa-apa terma yang difikirkannya wajar.

Syarat perkhidmatan, tata tertib dan surcaj

24. (1) Pihak Berkuasa boleh menentukan syarat perkhidmatan pekerjaanya.

(2) Akta Badan-Badan Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605] hendaklah terpakai bagi pekerja Pihak Berkuasa.

Pembayaran faedah persaraan, dsb.

25. Pihak Berkuasa boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pekerjaanya dan tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, ganjaran dan elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN KEWANGAN

Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia

26. (1) Suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Kumpulan Wang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia” ditubuhkan dan hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Pihak Berkuasa.

(2) Kumpulan Wang hendaklah terdiri daripada—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi maksud Akta ini dari semasa ke semasa;
- (b) semua atau mana-mana bahagian fi, kos, penalti kewangan dan caj lain yang dikenakan oleh atau yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969;
- (c) semua wang yang berpunca daripada penjualan, pelupusan, pemajakan atau penyewaan, atau apa-apa urusan niaga lain mengenai, apa-apa harta, gadai janji, gadaian atau debentur yang terletak hak pada atau diperoleh oleh Pihak Berkuasa;

- (d) mana-mana wang yang dipinjam oleh Pihak Berkuasa di bawah seksyen 31;
- (e) apa-apa jumlah wang yang dibayar kepada Pihak Berkuasa dari semasa ke semasa bagi pinjaman yang dibuat oleh Pihak Berkuasa;
- (f) semua wang yang berpunca daripada pendapatan daripada pelaburan modal terjamin oleh Pihak Berkuasa; dan
- (g) semua wang dan harta lain yang diterima secara sah oleh Pihak Berkuasa, termasuk bunga.

Perbelanjaan yang dipertanggungjawabkan pada Kumpulan Wang

27. Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud yang berikut:

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Pihak Berkuasa;
- (b) membayar saraan, elaun, pembayaran ganti dan perbelanjaan lain anggota Pihak Berkuasa, anggota jawatankuasa dan pekerja Pihak Berkuasa, termasuk pemberian pinjaman dan pendahuluan, elaun persaraan, faedah persaraan dan ganjaran;
- (c) membayar apa-apa belanja, fi, kos, perbelanjaan, geran atau pembayaran lain yang ditanggung atau diterima secara sah oleh Pihak Berkuasa dalam pelaksanaan fungsinya atau perjalanan kuasanya, termasuk fi dan kos perundangan;
- (d) membeli atau menyewa peralatan, mesin dan apa-apa material lain, memperoleh tanah dan aset lain, mendirikan bangunan dan menjalankan apa-apa kerja dan pengusahaan lain dalam pelaksanaan fungsinya atau perjalanan kuasanya;
- (e) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 31 dan bunga yang kena dibayar ke atas wang itu; dan

- (f) secara amnya, membayar atau membelanjakan apa-apa belanja bagi melaksanakan peruntukan Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969.

Pemeliharaan Kumpulan Wang

28. Menjadi kewajipan Pihak Berkuasa untuk memelihara Kumpulan Wang dengan melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Pihak Berkuasa mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya pada akaun hasilnya bagi setiap tahun kewangan, termasuk susut nilai dan bunga atas modal.

Perbelanjaan dan penyediaan anggaran

29. (1) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah, tidak lewat daripada satu bulan sebelum bermulanya setiap tahun kewangan, dalam mesyuarat Pihak Berkuasa, membentangkan di hadapan Pihak Berkuasa suatu anggaran perbelanjaan Pihak Berkuasa (termasuk perbelanjaan modal) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa butir dan bentuk yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Suatu salinan anggaran yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dihantar kepada setiap anggota Pihak Berkuasa tidak kurang daripada empat belas hari sebelum anggaran itu dibentangkan.

Akaun bank

30. Pihak Berkuasa hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa, dan tiap-tiap akaun itu hendaklah dikendalikan mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu dari semasa ke semasa.

Kuasa untuk meminjam

31. (1) Pihak Berkuasa boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Pihak Berkuasa bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi menunaikan mana-mana fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah memastikan kuasa untuk meminjam yang dijalankan di bawah subseksyen (1) tidak menjejaskan kebebasan Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969.

Pelaburan

32. (1) Wang dalam Kumpulan Wang, setakat wang itu tidak diperlukan untuk dibelanjakan oleh Pihak Berkuasa di bawah Akta ini, boleh diletakkan dalam mana-mana pelaburan modal terjamin sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri, dengan persetujuan Menteri Kewangan.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah memastikan pelaburan di bawah subseksyen (1) tidak menjejaskan kebebasan Pihak Berkuasa dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969.

Tatacara kewangan

33. Pihak Berkuasa hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri dan boleh menerima pakai dengan ubah suaian sebagaimana yang difikirkannya patut mana-mana peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, polisi, pekeliling dan arahan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan berkenaan dengan tatacara kewangan.

Tahun kewangan

34. Tahun kewangan Pihak Berkuasa hendaklah bermula pada 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Akaun dan laporan tahunan

35. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan akaun yang sepatutnya bagi Kumpulan Wang dan laporan yang sepatutnya bagi aktiviti yang disimpan dan hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan supaya disediakan bagi tahun kewangan itu—

(a) suatu penyata akaun Pihak Berkuasa yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaan; dan

(b) suatu penyata aktiviti.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan penyata akaun itu diaudit oleh mana-mana juruaudit bebas yang dilantik oleh Pihak Berkuasa.

(3) Pihak Berkuasa hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin, menghantar suatu salinan penyata akaun yang diperakui oleh juruaudit, salinan laporan aktiviti dan salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkan penyata dan laporan itu dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

(4) Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [*Akta 240*] hendaklah terpakai bagi Pihak Berkuasa.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat

36. Pihak Berkuasa boleh, dengan kelulusan Menteri dan dengan persetujuan Menteri Kewangan, menubuhkan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 untuk menjalankan dan bertanggungjawab bagi atau terlibat dalam apa-apa projek, skim atau perusahaan yang telah dirangka atau dijalankan oleh Pihak Berkuasa dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN VI

AM

Pekhidmat awam

37. Semua anggota Pihak Berkuasa dan mana-mana jawatankuasanya, dan pekerja atau ejen Pihak Berkuasa semasa menunaikan kewajipan mereka atau melaksanakan fungsi mereka atau menjalankan kuasa mereka di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 sebagai anggota, pekerja atau ejen sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

38. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Pihak Berkuasa, mana-mana anggota Pihak Berkuasa, mana-mana anggota jawatankuasa dan mana-mana pekerja atau ejen Pihak Berkuasa berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati atas sifat yang sedemikian.

Perlindungan daripada liabiliti persendirian

39. Tiada anggota Pihak Berkuasa, anggota jawatankuasa, pekerja atau ejen Pihak Berkuasa boleh dikenakan liabiliti persendirian bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa tindakan atau peninggalan dalam pengurusan hal ehwal Pihak Berkuasa atau pelaksanaan fungsinya atau perjalanan kuasanya di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 melainkan jika kerugian atau kerosakan itu berlaku disebabkan oleh suatu tindakan salah dengan niat atau peninggalan pada pihaknya.

Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

40. (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa terhadap –

- (a) Pihak Berkuasa;
- (b) mana-mana anggota, jawatankuasa, pekerja atau ejen Pihak Berkuasa; atau
- (c) mana-mana orang lain yang bertindak secara sah bagi pihak, atau dengan mematuhi arahan Pihak Berkuasa,

bagi atau dengan sebab, atau berkenaan dengan, apa-apa tindakan yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, atau berupa sebagai dilakukan atau dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, menurut atau dalam melaksanakan, atau dihasratkan bagi menurut atau melaksanakan, Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969, atau apa-apa notis, surat pekeliling, kehendak, surat arahan atau maklumat atau apa-apa perkara lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969, jika tindakan atau pernyataan itu dilakukan atau dibuat, atau ditinggalkan daripada dilakukan atau dibuat, dengan suci hati.

(2) Subseksyen (1) hendaklah menjadi tambahan kepada, dan bukan pengurangan bagi Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948, dan bagi maksud Akta itu, tiap-tiap orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah disifatkan sebagai pegawai awam atau orang yang dilantik atau diambil kerja bagi pelaksanaan suatu kewajipan awam.

Representasi dalam prosiding sivil

41. Walau apa pun peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Pihak Berkuasa;

- (b) dalam mana-mana prosiding sivil terhadap mana-mana pekerja Pihak Berkuasa berhubung dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969; atau
- (c) dalam mana-mana prosiding sivil yang dalamnya Pihak Berkuasa dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau didengari, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengari,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa bagi maksud itu boleh, bagi pihak Pihak Berkuasa atau pekerja itu, memulakan prosiding sedemikian atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan semua perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Pihak Berkuasa atau pekerja itu.

Obligasi kerahsiaan

42. (1) Kecuali bagi apa-apa maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau jika selainnya dibenarkan oleh Pihak Berkuasa—

- (a) tiada anggota Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana pekerja atau ejen Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang menghadiri mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa atau mana-mana jawatankuasanya, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatannya atau pekerjaannya, boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehnya dalam perjalanan kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini, Akta Penerbangan Awam 1969 atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Penerbangan Awam 1969; dan
- (b) tiada seorang lain pun yang melalui apa-apa cara mempunyai akses kepada apa-apa maklumat atau dokumen yang berhubung dengan hal ehwal Pihak Berkuasa boleh menzahirkan maklumat atau dokumen itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk meminda Jadual

43. Menteri boleh, atas syor Pihak Berkuasa, meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan Akta ini diperbuat

44. Segala perbuatan dan perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Pihak Berkuasa dalam menyediakan atau menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, dengan syarat perbuatan dan perkara yang dibuat itu selaras dengan niat dan maksud am Akta ini; dan segala hak dan obligasi yang diperolehi atau ditanggung akibat pelaksanaan perbuatan atau perkara itu termasuk apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengannya hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, disifatkan sebagai hak dan obligasi Pihak Berkuasa.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN PELETAKHAKAN

Peruntukan peletakhakan

45. (1) Tertakluk kepada Akta ini, Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan dan pada tarikh itu semua harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti Kerajaan yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu hendaklah, menurut kuasa Akta ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada Pihak Berkuasa tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

(2) Tiap-tiap harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Pihak Berkuasa menurut kuasa subseksyen (1) hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak sedemikian pada Pihak Berkuasa dengan hakmilik, harta benda atau kepentingan yang sama dan dengan pemegangan yang serupa sebagaimana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu terletak hak atau dipegang sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu.

(3) Tiap-tiap hak dalam tindakan yang terletak hak pada Pihak Berkuasa menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan itu, dituntut melalui guaman, didapatkan atau dikuatkuasakan oleh Pihak Berkuasa atas namanya sendiri dan tidaklah perlu bagi Pihak Berkuasa atau Kerajaan untuk memberikan notis—

(a) kepada orang yang terikat dengan hak dalam tindakan itu mengenai; atau

(b) kepada orang yang hak, kepentingan, obligasi atau liabilitinya tersentuh oleh,

peletakhakan yang dibuat di bawah subseksyen (1).

(4) Apa-apa prosiding undang-undang yang belum selesai oleh atau terhadap Kerajaan yang berhubungan dengan apa-apa harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Pihak Berkuasa menurut kuasa subseksyen (1) boleh, pada dan selepas tarikh peletakhakan itu, diteruskan oleh atau terhadap Pihak Berkuasa.

(5) Dalam hal hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang berbangkit di bawah apa-apa pinjaman yang terletak hak pada Pihak Berkuasa pada tarikh peletakhakan, Pihak Berkuasa boleh membuat apa-apa perjanjian atau perkiraan mengenai hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu dengan Kerajaan atau mana-mana orang lain.

(6) Jika menurut kuasa subseksyen (1), mana-mana harta dipindahkan kepada dan terletak hak pada Pihak Berkuasa, peruntukan Bahagian Tiga Puluh Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*] hendaklah, bagi maksud untuk melaksanakan pendaftaran peletakhakan itu, terpakai bagi Pihak Berkuasa.

(7) Pada dan selepas tarikh peletakhakan, apa-apa perjanjian, surat ikatan atau perkiraan lain yang berhubungan dengan mana-mana harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti yang dipindahkan kepada dan terletak hak pada Pihak Berkuasa di bawah subseksyen (1) yang Kerajaan menjadi pihak kepadanya sebaik sebelum tarikh peletakhakan itu, sama ada secara bertulis atau tidak, dan sama ada daripada sesuatu jenis harta, hak, kepentingan, obligasi dan liabiliti itu atau tidak di bawah perjanjian, surat ikatan atau apa-apa perkiraan lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang boleh diserahkan oleh Kerajaan, hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah Pihak Berkuasa telah menjadi pihak kepada perjanjian, surat ikatan atau perkiraan lain itu.

(8) Dalam seksyen ini, “tarikh peletakhakan” ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen (1).

JADUAL

[Seksyen 13]

PIHAK BERKUASA

Mesyuarat Pihak Berkuasa

1. (1) Pihak Berkuasa hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Pihak Berkuasa hendaklah memastikan mesyuarat diadakan tidak kurang daripada sekali pada setiap bulan.

(3) Pada mana-mana mesyuarat Pihak Berkuasa, lima anggota hendaklah membentuk suatu kuorum.

(4) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Pihak Berkuasa.

(5) Walau apa pun subperenggan (4), jika atas apa-apa sebab Pengerusi tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa, mana-mana anggota Pihak Berkuasa atau timbalan pengerusi hendaklah menjalankan kuasa Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi.

(6) Dalam keadaan kedua-dua Pengerusi dan timbalan pengerusi tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa, anggota Pihak Berkuasa yang tinggal hendaklah memilih seorang dalam kalangan mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu dan orang yang dipilih itu hendaklah mempunyai semua kuasa Pengerusi bagi maksud dan tempoh mesyuarat itu.

(7) Jika tentang apa-apa persoalan yang hendaklah ditentukan oleh Pihak Berkuasa, terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(8) Tiap-tiap anggota yang hadir pada mesyuarat Pihak Berkuasa hendaklah layak mendapat satu undi kecuali Ketua Pegawai Eksekutif.

Mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

2. (1) Pihak Berkuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Pihak Berkuasa bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi pada mesyuarat atau perbincangan itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Ketetapan tanpa mesyuarat

3. (1) Sesuatu ketetapan dikira telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat jika—

- (a) semua anggota Pihak Berkuasa telah dimaklumkan tentang ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah dibuat untuk memaklumkan semua anggota Pihak Berkuasa mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan
- (b) tanpa mesyuarat, semua anggota Pihak Berkuasa menandakan persetujuan tentang ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa di bawah subperenggan (2).

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Pihak Berkuasa—

- (a) memutuskan subperenggan itu terpakai; dan
- (b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Pihak Berkuasa menandakan persetujuan tentang ketetapan itu.

Minit

4. (1) Pihak Berkuasa hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat Pihak Berkuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima sebagai keterangan *prima facie* tentang fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Pihak Berkuasa yang berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat menurut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

5. Tertakluk kepada Akta ini, Pihak Berkuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa

6. Tiap-tiap anggota Pihak Berkuasa hendaklah menumpukan masa kepada urusan Pihak Berkuasa sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipannya dengan berkesan.

JAWATANKUASA

Mesyuarat

1. (1) Jawatankuasa hendaklah mengadakan seberapa banyak mesyuarat yang perlu bagi melaksanakan fungsinya dengan cekap dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi jawatankuasa.

(2) Pengerusi jawatankuasa hendaklah mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa.

Mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

2. (1) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang lain untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau perbincangan di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun atau perbelanjaan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

Minit

3. (1) Tiap-tiap jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan supaya salinan minit kesemua mesyuaratnya ditandatangani dan dikemukakan kepada Pihak Berkuasa secepat yang dapat dilaksanakan.

(3) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(4) Tiap-tiap mesyuarat jawatankuasa yang berkenaan dengan prosiding yang minitnya telah dibuat menurut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

4. Tertakluk kepada Akta ini, Jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

PNMB